

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK HAJAH AZIZAH BINTI DATUK SERI
PANGLIMA HAJI MOHD DUN [BEAUFORT]

TARIKH : 13 OGOS 2020 (KHAMIS)

SOALAN

DATUK HAJAH AZIZAH BINTI DATUK SERI PANGLIMA HAJI MOHD DUN [BEAUFORT] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk membina sebuah Hospital Pakar Jantung di Sabah dan Sarawak.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman YB Beaufort, **perkhidmatan rawatan jantung** di Hospital Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah pun sedia ada di Sabah dan Sarawak. Perkhidmatan jantung ini merangkumi perkhidmatan subkepakaran kardiologi, pediatrik kardiologi, pembedahan kardiotorasik, serta kardiak anesthesiologi dan perfusi.
2. Di negeri **Sabah**, perkhidmatan jantung bermula pada tahun 2009 di Hospital *Queen Elizabeth II* (HQE II), Kota Kinabalu. Buat masa ini, perkhidmatan disediakan oleh dua (2) pakar kardiologi, satu (1) pakar pediatrik kardiologi, satu (1) pakar bedah kardiotorasik dan dua (2) pakar kardiak anesthesiologi dan perfusi. Pada tahun ini, HQE II akan menerima seorang lagi pakar bedah kardiotorasik. Selain daripada memiliki dua (2) dewan bedah khusus untuk pembedahan kardiotorasik, pusat ini juga mempunyai satu (1) Makmal Invasif Kardiologi (ICL) bagi rawatan invasif

tanpa pembedahan kepada pesakit jantung. Terdapat juga perancangan untuk menambah satu (1) lagi Makmal Invasif Kardiologi di pusat ini bagi menampung beban kerja dan pertambahan pesakit jantung terutama yang memerlukan rawatan invasif.

3. Di negeri **Sarawak** pula, perkhidmatan jantung disediakan di Pusat Jantung Sarawak (PJS), dengan seramai lima (5) pakar kardiologi, dua (2) pakar pediatrik kardiologi, dua (2) pakar bedah kardiotorasik dan dua (2) pakar kardiak anesthesiologi dan perfusi. Pusat ini mempunyai dua (2) dewan bedah kardiotorasik dan tiga (3) Makmal Invasif Kardiologi.

4. Selain berfungsi sebagai pusat rawatan jantung, kedua-dua hospital ini juga merupakan pusat latihan kepada pakar-pakar jantung dan pakar-pakar juga mempunyai penglibatan aktif dalam menjalankan kajian klinikal perubatan (*clinical research*). Pada tahun 2016, PJS telah diiktiraf oleh *Royal College of Surgeons of Edinburgh, United Kingdom* sebagai Pusat Latihan Subkepakaran Pembedahan Kardiotorasik.

5. Kementerian Kesihatan sentiasa komited dalam memberikan rawatan yang terbaik kepada pesakit jantung di Malaysia, termasuk di Sabah dan Sarawak dan akan terus memperkembangkan perkhidmatan ini mengikut keperluan.

Sekian, terima kasih.